

D.R. 24/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif "Mahkamah" dengan takrif yang berikut:

' "Mahkamah" ertinya—

(a) Mahkamah Tinggi yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi; atau

(b) Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Mahkamah Rendah 1948 atau Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret;'

Pindaan seksyen 35

3. Subseksyen 35(1) dan (2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "atau pemeriksaan".

Seksyen baru 35A dan 35B

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

“Pemeriksaan orang berlesen 35A. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, memeriksa, tanpa memberikan apa-apa notis terlebih dahulu, buku-buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi seseorang orang berlesen.

(2) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 35B, "orang berlesen" ertinya orang berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 dan termasuk—

(a) bursa saham, pengurus kumpulan wang terkecuali dan pusat penjelasan diiktirafkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dan

(b) depository pusat, ejen depository diberikuasa dan penama diberikuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Pengemukaan buku, dll, orang berlesen. 35B. (1) Bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 35A orang berlesen yang diperiksa dan pengarah dan pegawainya hendaklah memberi mana-mana orang yang menjalankan pemeriksaan itu akses kepada segala buku atau dokumennya yang lain dan akaunnya, termasuk dokumen hakmilik bagi asetnya, segala sekuriti yang dipegang olehnya berkenaan dengan transaksi sekuriti, segala wang tunai, dan segala dokumen, maklumat dan kemudahan yang diperlukan oleh orang itu bagi maksud pemeriksaan itu, dan hendaklah mengemukakan kepada orang itu segala buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai, dan memberikan segala maklumat, yang diperlukannya, tetapi setakat yang selaras dengan perjalanan pemeriksaan itu, buku atau dokumen, akaun,

hakmilik, sekuriti dan wang tunai itu tidaklah boleh dikehendaki supaya dikemukakan pada masa atau di tempat yang akan mengganggu perjalanan sepatutnya urusan harian biasa orang berlesen itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya secara bertulis bagi maksud ini boleh mengambil milik mana-mana buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai yang dia mempunyai akses kepadanya di bawah subseksyen (1) jika pada pendapatnya—

(a) pemeriksaan, penyalinan, atau pembuatan cabutan dari, buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai itu tidak dapat dilakukan dengan cara yang munasabah tanpa mengambil miliknya;

(b) buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai itu mungkin diganggu atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil milik buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai itu; atau

(c) buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai itu mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, yang mungkin dimulakan di bawah atau berkaitan dengan mana-mana undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

(3) Tiada orang berlesen dan tiada pengarah atau pegawai orang berlesen itu boleh—

(a) tidak memberikan akses kepada, memberi milik atau mengemukakan buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunainya; atau

(b) tidak memberikan maklumat atau kemudahan mengikut subseksyen (1) dan (2)."

Pindaan seksyen 36

5. Subseksyen 36(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "tiga" dengan perkataan "lima".

Seksyen baru 36A, 36B, 36c dan 36D

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Tatacara oleh Pegawai Penyiasat apabila menyita harta. 36A. (1) Suatu senarai segala benda yang disita semasa pemeriksaan di bawah seksyen 36 dan tempat atau bangunan di mana benda itu masing-masingnya ditemui hendaklah disediakan oleh Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang menialankan pemeriksaan itu dan ditandatangani olehnya.

(2) Penghuni tempat atau bangunan yang dimasuki di bawah subseksyen 36(1), atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah pada setiap ketika dibenarkan hadir semasa pemeriksaan itu. dan suatu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah subseksyen (1) hendaklah diserahkan kepada penghuni atau orang itu apabila diminta olehnya.

(3) Seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah, apabila selesai penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya, melepaskan apa-apa harta yang disita, ditahan atau dialih olehnya atau mana-mana Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang lain, kepada orang yang ditentukannya sebagai orang yang berhak di sisi undang-undang kepada harta itu, jika dia berpuas hati bahawa harta itu tidak diperlukan bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah mana-mana undang-undang sekuriti, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(4) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang melepaskan apa-apa harta di bawah subseksyen (3) berkenaan dengan pelepasan itu dengan menyatakan dalam rekod itu hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan itu.

(5) Jika Pegawai Penyiasat Suruhanjaya tidak dapat menentukan orang yang berhak di sisi undang-undang kepada harta itu atau jika ada lebih daripada seorang yang menuntut harta itu, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya itu hendaklah melaporkan perkara itu kepada seorang Majistret yang hendaklah dengan itu memerintahkan supaya harta itu diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 36B.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 36B dan 36c, "harta" termasuklah buku dan dokumen lain.

Tatacara
oleh
Majistret
berkenaan
dengan
harta yang
disita

36B. (1) Jika suatu laporan dikemukakan kepada Majistret oleh seorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya di bawah subseksyen 36A(5), Majistret itu hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan penyerahan harta itu kepada orang yang berhak kepada pemilikan harta itu atau, jika orang sedemikian tidak dapat dipastikan, berkenaan dengan penjagaan dan pengemukaan harta itu.

(2) Jika orang yang berhak kepada harta itu diketahui, Majistret itu boleh memerintahkan supaya harta itu diserahkan kepada orang itu atas apa-apa syarat, jika ada, yang difikirkan patut oleh Majistret itu, dan hendaklah, jika dia membuat perintah sedemikian, menyebabkan supaya suatu notis disampaikan pada orang itu yang memaklumkan orang itu terma perintah itu dan menghendaki orang itu menerima serahan harta itu dalam apa-apa tempoh dari tarikh penyampaian notis itu (yang tidak boleh kurang daripada empat puluh lapan jam) sebagaimana yang ditetapkan oleh Majistret itu dalam notis sedemikian.

(3) Jika orang yang kepadanya harta telah diperintahkan supaya diserahkan di bawah subseksyen (2) abai atau tidak menerima serahan harta itu dalam tempoh yang ditetapkan, Majistret boleh, jika harta itu mengikut tabiinya lekas rosak atau jika pada pendapatnya nilainya kurang daripada lima puluh ringgit, mengarahkan supaya harta itu dijual dan hasil bersih daripada penjualan itu hendaklah, apabila dituntut, dibayar kepada orang yang berhak kepadanya.

(4) Jika orang yang berhak kepada pemilikan harta itu tidak ada di Malaysia dan harta itu mengikut tabiinya lekas rosak atau Majistret yang kepadanya penyitaan itu dilaporkan berpendapat bahawa penjualannya adalah berfaedah kepada pemunyanya atau bahawa nilai harta itu kurang daripada lima puluh ringgit, Majistret itu boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya harta itu dijual dan subseksyen 36c(4) hendaklah terpakai bagi hasil bersih daripada penjualan itu.

(5) Jika orang yang berhak kepada harta itu tidak diketahui, Majistret boleh mengarahkan supaya harta itu ditahan dalam jagaan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), jika orang yang berhak kepada harta itu tidak diketahui dan ditunjukkan sehingga Majistret berpuas hati bahawa harta itu tidak mempunyai nilai yang ketara, atau bahawa nilainya sebegitu kecil sehingga, pada pendapat Majistret itu, menjadikan tidak praktik harta itu dijual, sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 36c, atau menjadikan penahanannya dalam jagaan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya tidak munasabah memandangkan belanja atau kesulitan yang akan disebabkan olehnya, Majistret boleh memerintahkan supaya harta itu dimusnahkan atau dilupuskan selainnya, sama ada apabila habis tempoh selepas penyiaran pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen 36c(1) sebagaimana yang ditentukan olehnya atau dengan segera sebagaimana yang difikirkannya patut,

Tatacara
berkenaan
dengan
harta yang
ditahan
dalam
jagaan
Pegawai
Penyiasat.

36c. (1) Jika seseorang Majistret telah mengarahkan di bawah subseksyen 36B(5) bahawa apa-apa harta yang disita hendaklah ditahan dalam jagaan seorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya, maka Pengerusi yang bertindak bagi pihak Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan pemberitahuan awam yang menyatakan barang yang membentuk harta itu dan menghendaki mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan supaya membuat tuntutan dalam masa enam bulan dari tarikh pemberitahuan awam itu.

(2) Tiap-tiap pemberitahuan di bawah subseksyen (1) hendaklah, jika nilai harta itu lima puluh ringgit atau lebih, disiarkan dalam *Warta*.

(3) Jika dalam masa tiga bulan dari penyiaran pemberitahuan di bawah subseksyen (1) tiada seorang pun membuktikan tuntutan terhadap harta itu, dan jika orang yang dalam pemilikannya harta itu telah ditemui tidak dapat menunjukkan bahawa harta itu telah diperolehnya dengan sah, harta itu boleh, selepas habis tempoh tiga bulan itu, dijual atas perintah Pengerusi yang bertindak bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Jika dalam tempoh enam bulan dari penyiaran pemberitahuan di bawah subseksyen (1) tiada seorang pun telah membuktikan tuntutan terhadap harta itu, pemunyaan harta itu, atau, jika dijual, hasil bersih daripada penjualan itu, hendaklah apabila habis tempoh enam bulan itu berpindah kepada dan menjadi terletak hak pada Kerajaan Persekutuan.

(5) Jika harta yang disebut dalam subseksyen (1) mengikut tabiinya lekas rosak atau Pengerusi yang bertindak bagi pihak Suruhanjaya berpendapat bahawa nilai harta itu kurang daripada lima puluh ringgit atau jika penjagaannya melibatkan belanja dan kesulitan yang tidak munasabah, harta itu boleh dijual pada bila-bila masa, dan subseksyen (1), (2), (3) dan (4) hendaklah, seberapa yang praktik, terpakai bagi hasil bersih penjualan itu sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi harta itu.

Penyerahan
dokumen
perjalanan.

36D. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang, yang menjadi hal perkara sesuatu penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah sesuatu undang-undang sekuriti yang disyaki telah dilakukan oleh orang itu, mungkin meninggalkan Malaysia, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya itu, dengan kelulusan Suruhanjaya, boleh dengan notis bertulis menghendaki orang itu menyerahkan perakuan pengenalan, pasport atau permit keluarnya, atau apa-apa dokumen perjalanan lain yang dimilikinya.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan secara ke diri pada orang yang kepadanya notis itu dialamatkan.

(3) Seseorang yang padanya notis di bawah subseksyen (1) telah disampaikan hendaklah mematuhi notis itu dengan segera, dan jika tidak dia boleh ditangkap dan dibawa ke hadapan Majistret.

(4) Jika seseorang dibawa ke hadapan Majistret di bawah subseksyen (3), Majistret itu hendaklah, melainkan jika orang itu mematuhi notis di bawah subseksyen (1) atau memuaskan hati Majistret itu bahawa dia tidak memiliki dokumen perjalanan, dengan waran mengkomitkannya ke penjara—

- (a) sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh pengkomitannya; atau
- (b) sehingga dia mematuhi notis di bawah subseksyen (1)

mengikut yang mana-mana yang berlaku dahulu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya yang bermaksud bahawa orang itu sudah mematuhi notis di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi waran yang mencukupi untuk Penguasa Penjara melepaskan orang itu.

(6) Tiada prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap Kerajaan, pegawai Suruhanjaya, pegawai awam atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan dengan sah di bawah seksyen ini."

Pindaan seksyen 38

7. Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang menjalankan penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti mengesyaki atau mempercayai atas sebab-sebab yang munasabah bahawa mana-mana orang dapat memberikan maklumat yang berkaitan dengan perkara yang sedang disiasat olehnya, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya itu boleh dengan notis bertulis menghendaki orang itu—

(a) memberi Pegawai Penyiasat Suruhanjaya itu segala bantuan yang munasabah berkaitan dengan penyiasatan itu; dan

(b) hadir di hadapan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang tertentu atau Pegawai-Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang tertentu untuk diperiksa secara lisan.";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang menjalankan kuasanya di bawah perenggan (1)(b) hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1).";

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(3A) Pemeriksaan seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah dilakukan secara tertutup dan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya atau Pegawai-Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang memeriksanya boleh memberikan arahan tentang siapa yang boleh hadir semasa pemeriksaan itu atau pada mana-mana bahagian pemeriksaan itu."; dan

- (d) dalam subseksyen (5)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
 (ii) dengan menggantikan perkataan "tiga" dengan perkataan "lima".

Seksyen baru 38A

8. Bahagian V Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

- “Pemus-
nahan.
penyem-
bunyan.
pencacatan
dan
pengubahan
rekod
- 38A. Mana-mana orang yang—
- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar keluar dari Malaysia,

apa-apa rekod atau akaun dalam pemilikannya yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Bahagian ini dengan niat untuk memfraud mana-mana orang, atau untuk menahan, melengahkan atau menghalang perjalanan sesuatu pemeriksaan, pengauditan atau penyiasatan, atau perjalanan mana-mana kuasa di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.".

Pindaan seksyen 39

9. Seksyen 39 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Seksyen baru 39c, 39D, 39E, 39F dan 39G

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 39B, seksyen yang berikut:

“Pengkompanaan kesalahan. 39c. (1) Pengerusi Suruhanjaya boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan menerima daripada orang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi apa-apa amaun yang ditetapkan.

(2) Apabila jumlah wang yang disebut dalam subseksyen (1) diterima, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan jika apa-apa barang telah diambil milik barang itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan mengikut syarat-syarat pengkompaunan itu.

(3) Segala jumlah wang yang diterima di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pelindungan pemberi maklumat dan maklumat. 39D. (1) Jika apa-apa aduan yang dibuat oleh seseorang pegawai Suruhanjaya menyatakan bahawa aduan itu dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh pegawai yang membuat aduan itu, maklumat yang disebut dalam aduan itu dan identiti orang yang daripadanya maklumat itu diterima hendaklah menjadi rahsia antara pegawai yang membuat aduan itu dengan orang yang memberikan maklumat itu, dan segala-gala yang terkandung dalam maklumat itu, identiti orang yang memberikan maklumat itu dan segala hal keadaan lain yang berhubungan dengan maklumat itu, termasuk tempat maklumat itu diberikan, tidak boleh didedahkan atau diperintahkan supaya

didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

(2) Jika apa-apa buku, kertas atau dokumen lain, atau apa-apa rakaman tampak atau bunyi, atau benda atau bahan lain yang diberikan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain mengandungi apa-apa catatan atau benda lain yang menamakan atau memperihalkan atau menunjukkan mana-mana orang yang memberikan maklumat itu, atau yang mungkin membawa kepada penzahiran identitinya, mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan segala bahagian buku, kertas, dokumen, rakaman, benda atau bahan itu atau petikan dalamnya disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan atau selainnya dihapuskan setakat yang perlu untuk melindungi identiti orang itu daripada terzahir.

(3) Mana-mana orang yang memberikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) sedangkan dia tahu bahawa maklumat itu adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(4) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai bagi apa-apa penyiasatan, atau pendakwaan, mana-mana kesalahan di bawah subseksyen (3).

Kesalahan di bawah undang-undang sekuriti ialah kesalahan boleh tangkap.

39E. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah sesuatu undang-undang sekuriti hendaklah menjadi kesalahan boleh tangkap, dan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dan seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang dilantik di bawah subseksyen 35(1), boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah olehnya telah melakukan atau sedang melakukan mana-mana kesalahan sedemikian.

Kesalahan
di bawah
undang-
undang
sekuriti
ialah
kesalahan
boleh
tangkap.

39F. Jika seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang dilantik di bawah subseksyen 35(1) membuat penangkapan di bawah seksyen 39E dia hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang yang ditangkap itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan tatacara jenayah seolah-olah dia telah ditangkap oleh pegawai polis.

Penahanan
orang
yang
ditangkap

39G. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seseorang Majistret yang membenarkan penahanan seseorang yang ditangkap di bawah seksyen 39E hendaklah membenarkan penahanan orang yang ditangkap itu dalam jagaan polis."

Pindaan seksyen 43

11. Subseksyen 43(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "tiga" dengan perkataan "lima".

Pindaan seksyen 43B

12. Seksyen 43B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini, Suruhanjaya boleh, apabila menerima permintaan bertulis daripada sesuatu pihak berkuasa menyelia asing bagi bantuan untuk menyiasat sesuatu pelanggaran yang dikatakan terhadap sesuatu kehendak undang-undang atau pengawalseliaan yang dikuatkuasakan atau ditadbirkan oleh pihak berkuasa menyelia asing itu, memberikan bantuan kepada pihak

berkuasa menyelia asing itu dengan menjalankan penyiasatan terhadap pelanggaran yang dikatakan terhadap kehendak undang-undang atau pengawalseliaan itu atau memberikan apa-apa bantuan lain kepada **pihak** berkuasa menyelia asing itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.";

- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "perlu diberikan bantuan" perkataan "demi kepentingan awam"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud subseksyen (1), peruntukan Bahagian V hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu, terpakai dan mempunyai kuat kuasa sewajarnya seolah-olah pelanggaran kehendak undang-undang atau pengawalseliaan itu ialah suatu kesalahan di bawah suatu undang-undang sekuriti.

(4) Pada menentukan sama ada adalah demi kepentingan awam bantuan diberikan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan perhatian kepada—

- (a) sama ada pihak berkuasa menyelia asing itu akan membayar kepada Suruhanjaya apa-apa kos dan belanja yang dilakukan bagi memberikan bantuan kepada pihak berkuasa menyelia asing itu; dan
- (b) sama ada pihak berkuasa menyelia asing itu akan dapat dan sanggup memberikan bantuan bersaling di dalam bidang kuasanya sebagai menyambut permintaan yang bersamaan daripada Suruhanjaya bagi bantuan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ("Akta 498").

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 498 untuk memperluas takrif "Mahkamah" supaya termasuk mahkamah rendah, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret.

4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 35(1) dan (2) Akta 498 dengan memotong perkataan "pemeriksaan" kerana seksyen baru 35A dan 35B yang dicadangkan akan memperkatakan kuasa pemeriksaan.

5. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 35A dan 35B ke dalam Akta 498 untuk membolehkan Suruhanjaya atau Pegawai Penyiasat Suruhanjaya memeriksa, tanpa memberikan notis terlebih dahulu, buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi seseorang orang berlesen. Seksyen yang baru ini menjadikan suatu kesalahan jika seseorang orang berlesen tidak memberikan akses kepada, memberi milik, atau mengemukakan buku atau dokumen ini kepada Suruhanjaya atau Pegawai Penyiasat Suruhanjaya.

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36A, 36B dan 36c ke dalam Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang hendaklah diikuti jika apa-apa harta disita oleh seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya dalam masa sesuatu penyiasatan atau pemeriksaan. Peruntukan dalam seksyen yang baru ini adalah pada matannya serupa dengan tatacara yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah berhubungan dengan harta yang disita oleh polis di bawah Kanun itu.

Fasal 6 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36D ke dalam Akta 498 untuk membolehkan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya dengan kelulusan Suruhanjaya menghendaki mana-mana orang yang menjadi hal perkara sesuatu penyiasatan supaya menyerahkan perakuan pengenalan, pasport atau dokumen perjalanannya yang lain yang dimilikinya.

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang irii bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 498 untuk membolehkan seseorang Pegawai Penyiasat menghendaki mana-mana orang yang dia percaya dapat memberikan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan supaya memberikan segala bantuan yang munasabah dan hadir di hadapannya untuk diperiksa secara lisan.

8. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 38A ke dalam Bahagian V Akta 498 untuk menjadikan perbuatan memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan atau mengubah rekod dan akaun dan mengalihkan rekod atau akaun itu dari mana-mana premis untuk melengahkan atau menghalang apa-apa pemeriksaan atau pengauditan atau penyiasatan suatu kesalahan.

9. *Fasal 10* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 39c, 39D, 39E, 39F dan 39G ke dalam Akta 498. Seksyen baru 39c mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan. Seksyen baru 39D mengadakan peruntukan bagi perlindungan pemberi maklumat dan maklumat. Seksyen baru 39E menentukan kesalahan yang menjadi kesalahan boleh tangkap. Seksyen baru 39F mengenakan kewajipan pada seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya

untuk menyerahkan orang yang ditangkap kepada polis, seraentara seksyen baru 39G memperuntukkan bahawa seseorang Majistret yang membenarkan penahanan orang yang ditangkap di bawah seksyen 39E yang dicadangkan mesti memberi kuasa penahanan orang yang ditangkap itu dalam jagaan polis.

10. *Fasal 12* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 43B Akta 498 untuk memasukkan unsur kepentingan awara ke dalam pertimbangan Suruhanjaya tentang sama ada hendak memberikan bantuan kepada sesuatu pihak berkuasa asing yang menjalankan fungsi yang serupa dengan fungsi yang diberikan kepada Suruhanjaya serta juga untuk memastikan bahawa hanya permintaan bantuan yang dibuat secara bertulis akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

11. Rang Undang-Undang ini juga bertujuan untuk meningkatkan hukuman yang diperuntukkan dalam subseksyen 36(3), 38(5) dan 43(2) daripada denda maksimum lima puluh ribu ringgit kepada denda maksimum satu juta ringgit dan, dalam hal tempoh pemenjaraan, dari tempoh maksimum tiga tahun kepada tempoh maksimum lima tahun. Pindaan ini dicadangkan dalam fasal 5, 7 dan 11.

12. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini adalah pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN.(U2)2101.]